

Headline	70 tahun TNB kebanggaan negara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Sep 2019	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Dlm Negeri	Page No	5
ArticleSize	820 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 49,065		



70 tahun TNB kebanggaan negara

■ KUALA LUMPUR 4 SEPT.

RAMAI mungkin tidak menyedari atau menghargai peranan serta sumbangan syarikat utiliti negara, Tenaga Nasional Bhd. (TNB) sehinggalah berlakunya masalah bekalan elektrik yang tidak dijangka seperti lampu tiba-tiba terpadam.

Untuk rekod, TNB telah wujud dan beroperasi sebelum negara ini mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 untuk menjamin bekalan elektrik.

Bermula dari tahun 1949 dengan nama Lembaga Elektrik Pusat (LLP), entiti itu kemudian telah berkembang kepada Lembaga Elektrik Negara (LLN) sebelum dinamakan TNB.

Selain memenuhi permintaan elektrik penduduk setempat, TNB berperanan penting kepada perindustrian negara serta melicinkan perdagangan.

Keadaan kini bertambah baik. Namun bagi TNB, syarikat itu nampak komited dan fokus untuk terus meningkatkan prestasi buat lebih sembilan juta pelanggan dengan lebih 600,000 kilometer rangkaian.

Di bawah pelan transformasi Reimagining TNB, banyak yang dilakukan untuk berdepan cabaran pada masa depan.

TNB meletakkan sasaran untuk menempatkan penjanaan tenaga domestik dan pemia-



"Asas-asas kukuh yang telah diletakkan pada hari ini telah mengubah proses dan struktur dalam kita untuk menjadikan TNB lebih maju dari segi teknikal dan pengoptimuman kos berbanding sebelum ini."

LEO MOGGIE



Di bawah pelan transformasi Reimagining TNB, banyak yang dilakukan untuk berdepan cabaran pada masa depan.

gaan runcit elektrik di bawah bidang kuasa anak syarikat milik penuh yang baru diperbadankan sebagai persediaan kepada

pembaharuan dalam pasaran elektrik negara.

Ia termasuklah persediaan kepada sebarang kemungkinan kerajaan membuka sektor runcit elektrik negara untuk membenarkan pembekal tenaga baharu.

Cadangan penyusunan semula dalam dijangka menempatkan TNB pada kedudukan lebih baik untuk bersaing menjelang perubahan pasaran.

Langkah itu sejajar dengan tokoh penjawat awam utama dalam Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengangkutan, Tan Sri Ramon Navaratan yang menyokong utiliti tenaga untuk bergerak lebih kepada meritokrasi.

Katanya, TNB perlu lebih inklusif untuk masyarakat berbilang kaum negara bagi meraih manfaat kemakmuran bersama sebagaimana yang diperjuangkan oleh kerajaan sekarang.

Bagaimanapun, beliau turut tertanya-tanya sebab kerajaan mencadangkan idea merombak sistem yang cekap dengan membuka pasaran memandangkan TNB telah memberikan perkhidmatan dengan baik kepada negara dan berpandangan berpandangan kerajaan semasa mungkin mahu lebih banyak daripada TNB.

Bagi tujuan itu, TNB telah bersedia untuk masa depan, terutamanya dengan hasrat kerajaan meliberalisasikan sektor bekalan elektrik.

Syarikat kini menyediakan asas untuk peraturan baharu di

bawah rangka kerja Peraturan Berasaskan Insentif (IBR) dalam Tempoh Pengawalseliaan Ketiga kerajaan dari 2021 hingga 2023.

Dengan penyediaan lebih awal, TNB beralih menjadi antara rangkaian tenaga paling boleh dipercayai di rantau ini dan piawaiannya setanding banyak negara maju lain.

Misalnya Indeks Tempoh Masa Purata Gangguan Sistem (SAIDI) naik kepada 48.22 minit setiap pelanggan setahun pada 2018 daripada 50.24 minit pada 2017 manakala kehilangan tenaga bagi setiap pelanggan pada 0.35 minit, di bawah paras dua minit sejak 10 tahun lalu.

Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie, yang menyelaras pembangunan TNB selaku menteri bertanggungjawab bagi sektor tenaga dan kerja raya pada akhir 1970-an hingga 2004, dilaporkan berkata, syarikat telah menjangka pembaharuan seawal 2016 dan pelan strategik di bawah Reimagining TNB itu memaparkan aspek kesiapsiagaan.

"Asas-asas kukuh yang telah diletakkan pada hari ini telah mengubah proses dan struktur dalam kita untuk menjadikan TNB lebih maju dari segi teknikal dan pengoptimuman kos berbanding sebelum ini," katanya.

Beliau yang menerajui TNB sejak 2004 berkata, sebahagian besar jurutera yang bersaing dalam IPP itu pernah bertugas di TNB membuktikan peranan

penting syarikat gergasi itu dari segi menawarkan modal insan bernilai terhadap sektor kejuruteraan negara.

Antara kebanggaan Moggie adalah entiti TNB iaitu Universiti Tenaga Nasional (Uniten) yang merupakan antara universiti swasta utama di Malaysia yang turut berperanan menghasilkan barisan siswazah bidang kejuruteraan; sains komputer dan teknologi maklumat; kewangan dan pengurusan tenaga untuk sektor perniagaan utama.

Sambil menegaskan pemilikan sumber modal insan yang baik sebagai teras TNB bagi mengharungi cabaran sejak dulu bagi menjamin kelangsungannya, beliau berkata, ini sekali lagi dapat dilihat pada 2018 apabila TNB melaporankan perolehan sebanyak RM50.39 bilion dan keuntungan bersih RM3.72 bilion.

Kini TNB telah mencatat kemajuan sehingga ke tahap pengendalian janakuasa serba maju seperti Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah di Lumut, Perak yang berkapasiti 4,100 megawatt (MW) dan projek solar berskala besar di Sepang, Selangor.

TNB telah bertumpu ke luar Malaysia kerana tidak mahu sekadar menjadi 'juara kampung'. Buktinya, TNB telah melaburkan sayapnya ke United Kingdom, Turki, Pakistan, India dan Arab Saudi sambil terus memperkukuh pasaran domestik.

